

21 OCT 2002

Cuepacs-Kesihatan/I

CUEPACS MAHU SKIM JAMINAN KESIHATAN DIURUS DENGAN BAIK

IPOH, 21 Okt (Bernama) -- Cuepacs mahu jaminan daripada kerajaan bahawa skim insurans kebangsaan yang dicadangkan diurus dengan baik dan kepentingan orang ramai diberi keutamaan.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata Cuepacs menyambut baik penubuhan skim seumpama itu tetapi mahu perkara itu dibincangkan dengan teliti sebelum dilaksanakan.

"Jika tidak dilaksanakan dengan betul, ramai kakitangan awam akan terjejas dan orang ramai dinafikan rawatan kesihatan yang baik," katanya selepas menghadiri Malam Deepavali Kolej Utara di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Okt bahawa skim insurans kebangsaan diperlukan memadamkan kerajaan tidak mampu menyediakan dana yang berterusan untuk menampung kos kesihatan yang semakin tinggi.

Siva berkata kerajaan mesti memastikan orang ramai diberikan penjelasan yang betul kerana ia tidak seharusnya menjadi beban kepada mereka selepas skim itu dilaksanakan kelak.

Beliau berkata sejak sekian lama orang ramai menikmati rawatan perubatan yang baik secara percuma dan mereka kini bimbang akan hilang keistimewaan itu dengan terlaksananya skim insurans kesihatan kebangsaan.

"Salah satu sebab kerajaan sekarang popular adalah kerana rawatan perubatan percuma. Jika skim kesihatan tidak diurus dengan baik, ia akan membawa akibat kepada kerajaan," katanya.

Siva berkata orang ramai wajar tampil ke hadapan untuk memberikan respons dan idea kepada kerajaan supaya skim yang memberi manfaat kepada setiap orang boleh dilaksanakan.

Siva bagaimanapun berkata kerajaan mesti memastikan ia mempunyai kawalan penuh ke atas perjalankan skim itu dan tidak membiarkan sektor swasta menjalankannya secara bersendirian.

"Kita mahu wakil orang ramai dalam organisasi yang menjalankan skim itu supaya kepentingan rakyat biasa terpelihara," katanya.

-- BERNAMA

AR LAT